

27/04/2001

Daim bercuti bereskan fail pembangunan

SUNGAI PETANI, Khamis - Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, hari ini menjelaskan beliau mengambil cuti selama dua bulan bagi membolehkannya membereskan fail-fail untuk memastikan kegiatan ekonomi terus berjalan.

Katanya, beliau bukan sengaja mengambil cuti ketika berlaku kelembapan ekonomi, sebaliknya untuk memberi tumpuan membereskan tugas menggerakkan ekonomi negara.

"Saya perlu memastikan ekonomi negara bergerak, tetapi jika fail-fail atas meja tidak bergerak, tidak ada projek dilaksanakan," katanya ketika ditanya mengapa beliau mengambil cuti ketika negara dilanda kelembapan ekonomi.

Daim berkata, adalah tidak adil jika beliau memohon untuk tidak menghadiri mesyuarat Kabinet misalnya, semata-mata bagi memberi tumpuan kepada fail-fail projek pembangunan di atas mejanya.

"Dengan bercuti inilah satu-satunya cara saya boleh tidak menghadirkan diri dan memberi sepenuh perhatian terhadap fail-fail pembangunan itu... sebab itu saya korbakan cuti dan datang bekerja," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas majlis Jasamu Dikenang sempena ulang tahun Umno ke-55, anjuran Umno Bahagian Merbok, di sini hari ini.

Inilah kali pertama Daim menjelaskan kepada media mengenai percutiannya yang menimbulkan pelbagai spekulasi dan dakwaan kononnya beliau tidak bertanggungjawab kerana bercuti ketika ekonomi negara menghadapi masalah.

Selain itu, tindakannya mengambil cuti selama dua bulan itu juga menimbulkan khabar angin beliau mahu meletak jawatan dan wujud perselisihan faham dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kedua-dua pihak menafikan wujudnya perselisihan itu serta khabar angin peletak jawatan berkenaan.

Daim berkata, rakyat negara ini seolah-olah lebih suka mendengar dan mempercayai khabar angin sehingga ia menjadi seperti budaya hidup mereka.

"Ia (mendengar dan mempercayai khabar angin) adalah budaya di sini. Kita kata jangan menyebarkan dan percaya khabar angin, tetapi mereka masih melakukannya.

"Lebih banyak kita jawab, lebih banyak mereka sebarkan dan mendakwa ia sebagai benar. Itulah sebab lebih baik jangan dipedulikan," katanya.

Ditanya mengapa percutiannya dijadikan isu, Daim berkata ia disebabkan ada pihak yang tidak mempunyai apa-apa untuk dilakukan dan mungkin seronok melakukannya.

"Ia disebabkan orang tidak ada apa-apa yang mahu dilakukan... tidak ada apa yang menyeronokkan mereka... jadi mereka seronok bila saya cuti.

"Saham jatuh dan mereka mahukan keseronokan... lalu cari orang yang sedang bercuti dan mereka-reka cerita," katanya.

Mengenai tindakan pembangkang mengkritiknya kerana bercuti ketika kelembapan ekonomi, Daim berkata bukan tanggungjawabnya untuk menjawab dakwaan mereka.

Berhubung larangan terhadap mereka yang terlalu kaya bertanding jawatan dalam Umno, beliau berkata ia tidak ada kaitan dengannya kerana beliau tidak pernah bertanding merebut jawatan parti.

"Bagaimanapun, ia tidak ada kaitan dengan saya kerana saya tidak pernah bertanding jawatan selain Ahli Parlimen," katanya.

Mengenai sama ada beliau akan menghadiri Perhimpunan Agung Umno Jun ini, Daim berkata beliau akan menghadirinya jika tidak melanjutkan cuti.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata

Daim menafikan khabar angin beliau mengambil cuti panjang untuk melepaskan jawatan Kabinet.

Penafian itu dinyatakan kepada Exco Pergerakan Pemuda Umno yang mengadakan kunjungan hormat terhadap Daim yang juga Bendahari Umno, malam tadi.

Hishammuddin berkata dalam pertemuan itu, Daim menjelaskan bahawa khabar angin yang mengatakan beliau akan meletak jawatan tidak berasas.

(END)